Ruj. : AKKM : 2/5/24 Jld.1 (9)
Tarikh : 28 Disember 2023

**Pengerusi Koperasi Anggota ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)**

**Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)**

**Perwakilan Negeri ke MAPA 2024**

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

**PEMBERITAHUAN MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN) PAHANG II (TENGAH) TAHUN 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Negeri (MAN) negeri Pahang II (Tengah) bagi tahun 2024 akan diadakan seperti butiran berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **28 Februari 2024 (Rabu)** |
| Masa | : | **9:30 pagi** |
| Tempat | : | **Akan dimaklumkan dalam Notis Mesyuarat Agung Negeri** |
| Kaedah | : | **Secara Hibrid (fizikal atau dalam talian)** |

3. Perwakilan koperasi yang layak menghadiri Mesyuarat Agung Negeri hendaklah terdiri dari koperasi yang aktif sepertimana peruntukan Undang-Undang Kecil ANGKASA (UUK 19). Setiap koperasi anggota ANGKASA di **Negeri Pahang II (Tengah)** yang layak, hendaklah menghantar seorang perwakilan koperasi berdasarkan (UUK 46).

4. Koperasi yang layak hadir ke MAN 2024 boleh menamakan pengganti dari kalangan Anggota Lembaga Koperasi kecuali koperasi yang **menjadi Perwakilan Negeri ke MAPA (2023 & 2024),** tiada pengganti **dibenarkan untuk hadir** berdasarkan UUK 26A(8).

5. Semua perwakilan yang layak **HENDAKLAH** mengisi borang-borang yang disertakan seperti berikut;

i. **BORANG 1A** - Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Negeri **atau mengisi borang secara dalam talian** dengan melayari laman web ANGKASA iaitu www.mesyuaratagung.angkasa.coop tertakluk kepada syarat perwakilan yang disertakan.

ii. **BORANG 1B** - Borang Pengesahan Status Aktif Koperasi - **jika perlu.**

iii. **BORANG 1C** - Borang Permohonan Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA & Experian (SPeKAR) dan Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu **(Hanya calon Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sahaja)**

iv. **BORANG 1D** - Borang Cadangan Usul.

Perwakilan hendaklah membuat pilihan dan pengesahan kehadiran **secara fizikal atau dalam talian** di dalam Borang 1A. Kos perbelanjaan perjalanan pergi dan balik serta penginapan tidak ditanggung oleh ANGKASA.

Borang-borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada :

**Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)** di alamat No. 2, Tingkat 1, Jalan Pak Sako 2, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang selewat-lewatnya pada 30 Januari 2024 (Selasa) jam 5:00 petang.

6. Berdasarkan [UUK 49(1)], pemilihan Seorang Pengerusi dan Sebelas Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN) adalah terbuka kepada perwakilan koperasi. Manakala pemilihan calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA Ke-38 adalah terbuka kepada Perwakilan Negeri (MAPA 2023 dan 2024). Perwakilan yang bersetuju untuk menjadi calon bertanding hendaklah mengisi **ruangan D pada Borang 1A**.

7. Calon yang akan bertanding hendaklah hadir sendiri bersama dengan pencadang dan penyokongnya bagi menyerah Borang Pencalonan (CALON/MANPB/2024) beserta dokumen sokongan **pada Hari Penamaan Calon bertempat di pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah) pada 31 Januari 2024 (Rabu) bermula jam 9.00 pagi sehingga 3.00 petang. Borang Pencalonan yang lewat diterima atau tidak lengkap akan dibatalkan pencalonannya**.

8. Bersama-sama surat ini disertakan atur cara Mesyuarat Agung Negeri (MAN), syarat-syarat kelayakan menjadi wakil ke Mesyuarat Agung Negeri (MAN), kelayakan menjadi calon Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN) dan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA Ke-38.

9. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Mohd Farid Muzamil, Pengurus ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah) di talian 09-296 5524 / 5525 / 5527 dan email: jpn_pahang2@angkasa.coop atau En. Mohd. Hishamizan Yahya (03-7454 8255) / En. Azman Ahamad (03-7884 6453) / Pn. Irwani Abd. Malik (03-7800 7884) di Bahagian Sekretariat, Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran atau email: mesyuaratagung.angkasa@gmail.com.

Segala kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"SADIK, AMANAH, TELUS"**

Yang benar,



**HAJI HASNAN HAJI MUSTAPHA**
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang

: Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

angkasa

# ATUR CARA

## <u>MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024) PAHANG II (TENGAH)</u>

### ATUR CARA

### PENDAFTARAN MAN 2024

**Tarikh : 27 Februari 2024 (Selasa)**

| | | |
|---|---|---|
| 8.00 pagi - 3.00 petang | : | Pendaftaran Perwakilan<br>Semua Perwakilan yang hadir fizikal dan dalam talian (*online*) |

### <u>MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024)</u>

**Tarikh : 28 Februari 2024 (Rabu)**

| | | |
|---|---|---|
| 7:30 pagi - 9:00 pagi | : | Pengesahan Kehadiran Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024)<br>Semua Perwakilan yang hadir fizikal dan dalam talian (*online*) |
| 9:00 pagi - 10:00 pagi | : | Bacaan Ayat Suci Al-Quran |
| | : | Bacaan Doa |
| | : | Ucapan Pengerusi<br>Jawatankuasa Perhubungan Negeri (JPAN) |
| | : | Ucapan Perasmian<br>Presiden ANGKASA |
| 10:00 pagi | : | **MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024) BERMULA** |
| 1:00 tengah hari | : | Makan Tengah Hari / Solat / Rehat |
| | : | Bersurai |

**<u>SYARAT - SYARAT KELAYAKAN MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN)</u>**
**<u>BAGI TAHUN 2024</u>**

## A. PERWAKILAN KOPERASI MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN)

1. Orang yang layak menyertai Mesyuarat Agung Negeri sesuatu Negeri berdasarkan **UUK ANGKASA 44B (1):**

   a) Anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dalam Negeri;

   b) Perwakilan Koperasi termasuk pengganti Perwakilan Koperasi; dan

   c) Perwakilan Negeri yang telah dipilih semasa Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2023) bagi tempoh 2 tahun (2023 dan 2024).

2. Koperasi anggota dalam Negeri boleh menghantar Perwakilan Koperasinya berdasarkan syarat **UUK ANGKASA;**

   a) Tertakluk kepada Undang-undang Kecil ini, prinsip yang terpakai ialah "satu koperasi satu perwakilan" dan "satu individu satu koperasi". Koperasi anggota dalam sesuatu Negeri hanya boleh menghantar **<u>seorang Perwakilan Koperasi</u>** yang layak ke Mesyuarat Agung Negeri dalam Negerinya. [UUK 46(a)]

   b) Hanya Perwakilan Koperasi yang memenuhi syarat kelayakan yang berikut layak menyertai Mesyuarat Agung Negeri [UUK 46(c)]:

      i. Perwakilan Koperasi itu hendaklah dari kalangan **<u>Anggota Lembaga Koperasi</u>** anggota;

      ii. Perwakilan Koperasi itu hendaklah dipilih dalam mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Anggota sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas; dan

      iii. Perwakilan Koperasi itu tidak mempunyai apa-apa sekatan kelayakan kepadanya untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan, Mesyuarat Agung Negeri atau mana-mana Mesyuarat ANGKASA.

   c) Jika seseorang Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan, Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan, anggota Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan dan Perwakilan Negeri adalah, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada sesuatu koperasi anggota Negeri itu, koperasi anggota itu tidak layak lagi menghantar Perwakilan Koperasi di Mesyuarat Agung Negerinya pada sesuatu tahun selagi tiada kekosongan dalam jawatan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan, Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan, anggota Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan dan Perwakilan Negeri itu. [UUK 46(i)]

3. Sekatan kelayakan penyertaan Mesyuarat Agung Perwakilan, Mesyuarat Agung Negeri mengikut **UUK ANGKASA 19:**

   a) Koperasi **dorman** dalam senarai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengenai koperasi dorman pada tarikh yang ditentukan Lembaga ANGKASA; (31 Disember 2023)

   b) Koperasi **tidak aktif** dalam senarai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengenai koperasi tidak aktif pada tarikh yang ditentukan Lembaga ANGKASA (31 Disember 2023) dan;

   c) Koperasi anggota yang tidak mengadakan mesyuarat agung tahunannya dalam masa **tiga puluh enam bulan** sebelum tarikh sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

## B. PENCALONAN – PENGERUSI, JAWATANKUASA PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI DAN JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MAPA KE-38

**1. Kelayakan calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Perwakilan Negeri. [UUK ANGKASA 49 (1)(2)(3)(4)(5)]**

(i) Hanya orang yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menjadi calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Perwakilan Negeri:

- Koperasi anggota calon itu hendaklah menjadi anggota ANGKASA bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun pada tarikh Mesyuarat Agung Negeri;
- Calon itu sendiri telah menjadi anggota koperasi anggota bagi tempoh tidak kurang dua tahun pada tarikh Mesyuarat Agung Negeri
- Calon itu sendiri telah menjadi mana-mana anggota Lembaga koperasi anggota bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun sama ada secara berterusan atau tidak pada tarikh Mesyuarat Agung Negeri;
- Calon itu adalah Perwakilan Koperasi;
- Calon itu hendaklah mendapat pencadang serta penyokongnya daripada dua buah koperasi anggota; dan
- Calon itu hadir dan mendaftar dengan cara yang ditentukan Lembaga ANGKASA dalam Mesyuarat Agung Negeri.

(ii) Seorang calon bagi jawatan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri dalam sesuatu Mesyuarat Agung Negeri pada masa yang sama tidak boleh menjadi calon bagi jawatan dalam pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri selain Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu dalam Mesyuarat Agung Negeri itu.

(iii) Seseorang calon yang juga adalah anggota sesuatu **Jawatankuasa Perhubungan Negeri** ("jawatan asal") pada masa dia dicalonkan dalam mana-mana jawatan Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu (termasuk jawatan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri) yang ditawar untuk ditanding ("jawatan ditandingkan"), hendaklah, sebaik sahaja keputusan mengenai pemilihan jawatan ditandingkan itu dibuat, mengosongkan jawatan asalnya dalam **Jawatankuasa Perhubungan Negeri** yang disandangnya pada masa itu, tidak kira sama ada dia dipilih dalam jawatan ditandingkan atau dia gagal dalam pemilihan itu atau tidak kira sama ada dia mempunyai baki tempoh perkhidmatannya dalam jawatan asal atau tidak.

(iv) Seseorang calon yang juga adalah **anggota Lembaga ANGKASA** ("jawatan asal") pada masa dia dicalonkan dalam mana-mana jawatan Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu (termasuk jawatan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri) yang ditawar untuk ditanding ("jawatan ditandingkan"), hendaklah, sebaik sahaja keputusan mengenai pemilihan jawatan ditandingkan itu dibuat, mengosongkan jawatan asalnya dalam **Lembaga ANGKASA** yang disandangnya pada masa itu, tidak kira sama ada dia dipilih dalam jawatan ditandingkan atau dia gagal dalam pemilihan itu atau tidak kira sama ada dia mempunyai baki tempoh perkhidmatannya dalam jawatan asal atau tidak.

(v) Kelayakan dan kesahihan seseorang calon hendaklah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon.

**2. Bagi pemilihan calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA, pencalonan hanya TERHAD kepada Perwakilan Negeri (MAPA) 2023. [UUK 26A (9)]**

(i) Pencalonan bagi pemilihan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah dibuat dalam mesyuarat Lembaga koperasi anggota, sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas. **[UUK ANGKASA 50(1)]**

(ii) Pengerusi dan Setiausaha Koperasi Lembaga koperasi anggota itu hendaklah memperakukan yang pencalonan itu telah diputuskan oleh Lembaga koperasi anggota dalam borang pencalonan yang disediakan. **[UUK ANGKASA 50(2)]**

(iii) Kegagalan seorang calon untuk mematuhi syarat bagi penyerahan borang pencalonan dan dokumen sebelum waktu yang ditentukan untuk penyerahan itu dan syarat lain akan menyebabkan calon itu tidak layak untuk menjadi calon bagi jawatan yang ditandingi itu. **[UUK 48(8)]**

(iv) Segala perbelanjaan calon ke Mesyuarat Agung Negeri adalah atas tanggungan sendiri / koperasi.

## C. PENGISIAN BORANG

Semua perwakilan yang layak **HENDAKLAH** mengisi borang-borang berikut;

i. **BORANG 1A** - Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Negeri **atau mengisi borang secara dalam talian** dengan melayari laman web ANGKASA iaitu www.mesyuaratagung.angkasa.coop tertakluk kepada syarat perwakilan yang disertakan.

ii. **BORANG 1B** - Borang Pengesahan Status Aktif Koperasi - **jika perlu.**

iii. **BORANG 1C** - Borang Permohonan Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA & Experian (SPeKAR) dan Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu **(Hanya calon Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sahaja)**

iv. **BORANG 1D** - Borang Cadangan Usul.

**Setiausaha Eksekutif**
**ANGKASA**

BORANG 1A

# BORANG PENAMAAN PERWAKILAN KOPERASI DAN PENCALONAN MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN) PAHANG II (TENGAH) 2024

**(PERWAKILAN/MANPB/2024)**

| No. Anggota ANGKASA | P | B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|

**Maklumat perlu diisi dengan huruf besar, jelas dan mudah dibaca.**

## A : MAKLUMAT AM KOPERASI

1. Butir-butir koperasi kami sebagai memenuhi keperluan UUK 19 dan UUK 46 adalah seperti berikut :

Nama Penuh Koperasi :

Alamat Koperasi :

Poskod :

Bandar :

Negeri :

No. Telefon :

No. Faks :

Email : ………………………………………………………………

Tarikh Mesyuarat Agung Terakhir :

Hari Bulan Tahun

Tarikh Daftar SKM :

Hari Bulan Tahun

No. Daftar SKM :

Tarikh Menjadi Anggota ANGKASA :

Hari Bulan Tahun

Fungsi Koperasi : ……………………………………

Aktiviti Koperasi : ……………………………………

2. Maklumat Anggota Lembaga Koperasi :

| Bil. | Jawatan Dalam Koperasi | Nama Penuh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) | No. Kad Pengenalan (Baru) | No. Telefon Rumah / H/P | Email |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi | | | | |
| 2. | Timb. Pengerusi | | | | |
| 3. | Setiausaha | | | | |
| 4. | Bendahari | | | | |
| 5. | ALK | | | | |
| 6. | ALK | | | | |
| 7. | ALK | | | | |
| 8. | ALK | | | | |
| 9. | ALK | | | | |
| 10. | ALK | | | | |
| 11. | ALK | | | | |
| 12. | ALK | | | | |
| 13. | ALK | | | | |
| 14. | ALK | | | | |
| 15. | ALK | | | | |

## B : PENAMAAN PERWAKILAN KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN) 2024

1. Koperasi kami bersetuju menghantar wakil ke Mesyuarat Agung Negeri Pahang II (Tengah) 2024. Butir-butir perwakilan mengikut kelayakan koperasi kami mengikut UUK 46 adalah seperti berikut:

**i. <u>PERWAKILAN :</u>**

Gelaran : Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Hj. / Hjh. / Tuan / Puan / Lain-lain (sila nyatakan) ………………….

Nama (mengikut K/P) :

No. Kad Pengenalan (Baru) :

No. Telefon Bimbit 1 :

(Wajib diisi untuk pengesahan perwakilan)

No. Telefon Bimbit 2 : (Jika perlu)

Nama Bank (Perwakilan) : ..................................

Jantina : ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Status : ☐ Bujang ☐ Berkahwin

**Butiran Akaun Bank (Wajib diisi bagi pembayaran elaun kehadiran)**

No. Akaun Bank (Perwakilan) :

Email : ..............................................................
(Wajib diisi untuk pengesahan perwakilan)

Jawatan Dalam Koperasi : ..............................................................
(Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

Tarikh Menjadi Anggota Koperasi :

Hari Bulan Tahun

Tarikh Menjadi Anggota Lembaga :

Hari Bulan Tahun

**ii. <u>PENGGANTI :</u>**

**[Bagi koperasi yang menjadi perwakilan Negeri ke MAPA (2023 & 2024) tiada pengganti dibenarkan untuk hadir. [UUK 26A(8) dan UUK 44B (1)]. Bagi koperasi yang hadir ke MAN sahaja, koperasi bolehlah menamakan pengganti dari kalangan Anggota Lembaga Koperasi]**

Gelaran : Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Hj. / Hjh. / Tuan / Puan / Lain-lain (sila nyatakan) ………………….

Nama (mengikut K/P) :

No. Kad Pengenalan (Baru) :

No. Telefon Bimbit 1 :

(Wajib diisi untuk pengesahan pengganti)

No. Telefon Bimbit 2 : (Jika perlu)

Nama Bank (Pengganti) : ..................................

Jantina : ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Status : ☐ Bujang ☐ Berkahwin

**Butiran Akaun Bank (Wajib diisi bagi pembayaran elaun kehadiran)**

No. Akaun Bank (Pengganti) :

Email : ..............................................................
(Wajib diisi untuk pengesahan pengganti)

Jawatan Dalam Koperasi : ..............................................................
(Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

Tarikh Menjadi Anggota Koperasi :

Hari Bulan Tahun

Tarikh Menjadi Anggota Lembaga :

Hari Bulan Tahun

## C : PENGESAHAN KEHADIRAN

Saya dengan ini bersetuju hadir ke Mesyuarat Agung Negeri Pahang II (Tengah) 2024 secara:

i. ☐ Fizikal **atau** ii. ☐ Dalam Talian

**Sebarang perubahan kehadiran, sila berhubung terus ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah) sebelum tarikh tutup penghantaran borang.**

[ * Sila tandakan X salah satu sahaja ]

***Perwakilan koperasi yang ingin menjadi calon bagi jawatan yang dipertandingkan perlu mengisi Bahagian D***

## D : PENCALONAN PENGERUSI, SEBELAS ANGGOTA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI DAN JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MAPA KE-38 (MAPA 2024)

**PERSETUJUAN CALON**

Pencalonan hanya ***TERHAD*** kepada Perwakilan Koperasi Mesyuarat Agung Negeri (MAN) 2024 sepertimana peruntukan [UUK26A (9) dan UUK49(1)] yang ditetapkan.

* Saya ………………………………………………………… merupakan perwakilan koperasi, adalah dengan ini bersetuju menjadi calon yang dipertandingkan seperti di bawah :

i. ☐ **Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri**

**atau**

ii. ☐ **Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri**

**atau**

iii. ☐ **Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA Ke-38**
(Kelayakan hanya terbuka kepada Perwakilan Negeri 2023 & 2024)

[ * Sila tandakan ☒ yang berkenaan sahaja ]

## E : PENGESAHAN PENAMAAN PERWAKILAN KOPERASI DAN MENCADANG

**KOPERASI CALON YANG MENCADANGKAN**

1. Dengan ini, Lembaga Koperasi kami telah bermesyuarat pada ................................... dan bersetuju **mengesahkan** penamaan perwakilan koperasi di atas. Maka dengan ini, koperasi kami bersetuju **mencadangkan** perwakilan di atas sebagai calon yang dipertandingkan **(Jika ada)**. Bersama-sama ini disertakan **cabutan minit mesyuarat berkenaan.**

   **[KEGAGALAN menyertakan cabutan minit mesyuarat atau cabutan minit yang TIDAK diperakukan oleh Pengerusi dan Setiausaha maka borang dianggap tidak lengkap dan boleh menyebabkan borang ini dibatalkan].**

2. Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat dan jika apa-apa maklumat di atas didapati tidak benar, palsu dan tidak lengkap, ANGKASA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tandatangan : | ................................................. | ............................................. | ............................................. |
| Nama : | ( ) Pengerusi | ( ) Setiausaha | Cop/Mohor Koperasi<br>Tarikh : ................................ |

***Hanya Perwakilan yang ingin menjadi calon perlu mengisi bahagian F***

## F : PENGESAHAN KOPERASI MENYOKONG

**MAKLUMAT KOPERASI YANG MENYOKONG**

Nama Koperasi Menyokong: **(selain daripada koperasi calon)**

No. Anggota ANGKASA:

No. Telefon :

No. Telefon Bimbit :

Email : ………………………………………

Kami mengaku bahawa sokongan di atas telah dipersetujui oleh Lembaga Koperasi kami.

Tandatangan : ………………………………………… ………………………………………

Nama : ( ) Cop/Mohor Koperasi

Pengerusi / Setiausaha

Tarikh : ………………………….

## G : PENGESAHAN PERWAKILAN ATAU CALON

1. Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat.
2. Saya dengan ini membenarkan segala maklumat peribadi saya boleh digunakan oleh pihak ANGKASA bagi tujuan Mesyuarat Agung Negeri (MAN) 2024.
3. Saya bukan seorang bankrap dan tidak pernah menghadapi sebarang tindakan rasuah dan jenayah.
4. Saya memahami sekiranya saya membuat kenyataan yang tidak benar, palsu dan tidak lengkap, ANGKASA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.
5. Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa tandatangan ini adalah milik saya.

………………………………………….. ……………………………

Tandatangan Tarikh

( )

**<u>Borang perlu dikembalikan ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri sebelum atau selewat-lewatnya pada 30 Januari 2024 (Selasa) jam 5:00 petang seperti alamat berikut:</u>**

**Pengerusi**
**Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)**
No. 2, Tingkat 1, Jalan Pak Sako 2
Bandar Seri Semantan
28000 Temerloh, Pahang

No. Telefon : 09-296 5524 / 5525 / 5527
Email : jpn_pahang2@angkasa.coop

BORANG 1B

# BORANG PENGESAHAN STATUS AKTIF KOPERASI BAGI KOPERASI TIDAK AKTIF & DORMAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN PERWAKILAN KOPERASI MESYUARAT AGUNG NEGERI PAHANG II (TENGAH) 2024

[Diisi oleh Perwakilan Koperasi yang memerlukan Pengesahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)]



## BAHAGIAN A : MAKLUMAT KOPERASI

1. Nama Penuh Koperasi :

2. Alamat Koperasi :

Poskod : Bandar : Negeri :

3. No. Telefon :

4. No. Faks :

5. Email : ............................................................

6. Tarikh Mesyuarat Agung Terakhir : Hari Bulan Tahun

7. Tarikh Keanggotaan ANGKASA : Hari Bulan Tahun

8. Tarikh Daftar SKM : Hari Bulan Tahun

9. No. Daftar SKM :

10. Fungsi Koperasi : ............................................................

11. Status Koperasi : ☐ Aktif ☐ Tidak Aktif ☐ Dorman

12. Maklumat Anggota Lembaga Koperasi :

| Bil. | Jawatan Dalam Koperasi | Nama Penuh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) | No. Kad Pengenalan (Baru) | No. Telefon Rumah / H/P | Email |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi | | | | |
| 2. | Timb. Pengerusi | | | | |
| 3. | Setiausaha | | | | |
| 4. | Bendahari | | | | |
| 5. | ALK | | | | |
| 6. | ALK | | | | |
| 7. | ALK | | | | |
| 8. | ALK | | | | |
| 9. | ALK | | | | |
| 10. | ALK | | | | |
| 11. | ALK | | | | |
| 12. | ALK | | | | |
| 13. | ALK | | | | |
| 14. | ALK | | | | |
| 15. | ALK | | | | |

Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat dan jika apa-apa maklumat di atas didapati tidak benar, palsu dan tidak lengkap, ANGKASA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tandatangan | : | ............................... | ............................... | ............................... |
| Nama | : | ( ) | ( ) | Cop/Mohor Koperasi |
| | | Pengerusi | Setiausaha | |

Tarikh : ..........................

## BAHAGIAN B : PENGESAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Dengan ini, pihak kami mengesahkan butiran di Bahagian A dan *status koperasi : Aktif / Tidak Aktif / Dorman adalah benar berdasarkan kepada rekod yang ada.

Disahkan oleh:

Tandatangan dan Cop : ..................................................

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota: * Sila Potong yang tidak berkenaan

**MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD** 1029674-X
A WHOLLY-OWNED SUBSIDIARY OF ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)
(PENGURUS OPERASI SPeKAR ANGKASA)
UNIT 311, BLOCK A, GLOMAC BUSINESS CENTRE,
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
t +603 7884 6788
f +603 7884 6678

**BORANG 1C**

## BORANG SEMAKAN LAPORAN SPeKAR

1. Maklumat Carian Individu / Syarikat

**Nama Penuh** : ______________________________
(Seperti di Kad Pengenalan / Sijil SSM)

**No. Kad Pengenalan atau** : ______________________________
No. Daftar Syarikat (SSM No.)

**Alamat E-mel** : ______________________________

**No. Telefon Bimbit** : ______________________________

**RUJUKAN HARGA CAJ CARIAN UNTUK LAPORAN**

| | LAPORAN | KETERANGAN | HARGA |
|---|---|---|---|
| ➡❑ | **SPeKAR** | **Laporan Kredit Lengkap :- SPGA +SPeKAR-B+CCRIS** | **RM 7.50** |
| ❑ | SPeKAR-S | Laporan Kredit Lengkap :- SPGA+SPeKAR-B+CCRIS+SCORE | RM 8.00 |
| ❑ | SPeKAR-B | Laporan Kredit dan Litigasi oleh EXPERIAN (*Blacklist*) | RM 3.00 |
| ➡❑ | **OA** | **Jabatan Insolvensi Malaysia (Kebankrapan)** | **RM15.50** |

**** Wajib disertakan penzahiran kecuali carian OA**

**Carian Syarikat / Perniagaan**

| | | | |
|---|---|---|---|
| ❑ | CI/BI | Laporan Syarikat/Perniagaan dari pengkalan data EXPERIAN **(wajib lampirkan borang penzahiran)** | RM20.00 |
| ❑ | CP/BP | Laporan Syarikat/Perniagaan dari pengkalan data EXPERIAN | RM20.00 |
| ❑ | ECI/EBI | Laporan Syarikat/Perniagaan dari pengkalan data SSM-TERKINI **(wajib lampirkan borang penzahiran)** | RM25.00 |
| ❑ | ECP/EBP | Laporan Syarikat/Perniagaan dari pengkalan data SSM - TERKINI | RM25.00 |

**Harga di atas tidak termasuk 6% SST.**

| PENGESAHAN KAKITANGAN UNIT OPERASI SPeKAR MHSB | |
|---|---|
| **JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR (termasuk 6% SST) : RM 24.38** | **Pegawai Unit Operasi SPeKAR MHSB** |
| Kami mengesahkan carian telah dibuat dan amaun caj carian adalah seperti di atas. | Tarikh: |

**PEMBAYARAN BOLEH DILAKUKAN MELALUI KAEDAH:**

1. Tunai
2. *Online Transfer* / Deposit Tunai / Deposit Cek:

**MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD**
**BANK : CIMB BANK BERHAD**
**NO. AKAUN : 8600 4484 22**
**NO. TEL : 03-7884 6788**
**E-MEL : mhsb.finance@gmail.com**

MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD 1029674-X
A WHOLLY-OWNED SUBSIDIARY OF ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)
UNIT 311, BLOCK A, GLOMAC BUSINESS CENTRE,
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
t +603 7884 6788
f +603 7884 6678

# SURAT KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU
## Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR)

**PENDEDAHAN**

i. Pemohon dengan ini membenarkan MyANGKASA Holdings Sdn Bhd/ANGKASA dan/atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat berhubung dengan akaun SPGA/beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini;

ii. Pemohon dengan ini membenarkan MyANGKASA Holdings Sdn Bhd/ANGKASA dan/atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. (“Experian”, Agensi Pelaporan Kredit) dan pelanggan Experian termasuk Bank/Institusi kewangan, syarikat yang perlu; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

iii. Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada Experian bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada MyANGKASA Holdings Sdn Bhd/ANGKASA dan/atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut Akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun/pinjaman/kredit/apa-apa transaksi dengan organisasi.

iv. Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada:
   a. Pembukaan akaun
   b. Penilaian/pemarkahan kredit
   c. Semakan kredit/Akaun
   d. Pemantauan kredit/akaun
   e. Kedudukan/pemantauan akaun individu
   f. Tujuan pemulihan hutang
   g. Dokumentasi undang-undang dan/atau tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi

v. MyANGKASA Holdings Sdn Bhd/ANGKASA/Experian tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

Perlu disahkan oleh calon

| TANDATANGAN PEMOHON | DISAKSIKAN OLEH WAKIL ORGANISASI |
|---|---|
| ............................................................<br><br>Nama seperti di K/P:<br><br>No. K/P:<br><br>Tarikh: | ............................................................<br><br>Nama seperti di K/P:<br><br>No. K/P:<br><br>Cop Rasmi:<br><br>Syarikat:Tarikh: |

BORANG 1D

# BORANG CADANGAN USUL MESYUARAT AGUNG NEGERI PAHANG II (TENGAH) 2024

angkasa

coop

(USUL/MANPB/2024)

## A. MAKLUMAT KOPERASI

Nama Penuh Koperasi :

No. Anggota ANGKASA : P B

No. Telefon :

Email : ......................................................

## B. CADANGAN USUL

Bersama-sama ini dikemukakan usul-usul untuk dipertimbangkan di Mesyuarat Agung Negeri (MAN) Pahang II (Tengah) seperti berikut :

Usul 1: ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

Usul 2 : ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(Gunakan kertas berasingan jika ruang ini tidak mencukupi)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tandatangan : | ....................................... | .......................................... | .................................. |
| Nama : | ( ) Pengerusi | ( ) Setiausaha | Cop/Mohor Koperasi |
| | | | Tarikh : .................... |

Nota : i) **Perkara 46A(3) UUK ANGKASA** Jawatankuasa Perhubungan Negeri berhak untuk menapis segala usul yang diterima untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Negeri itu.

ii) **Pohon sertakan cabutan minit Lembaga berkaitan usul yang dicadangkan.**

**Borang perlu dikembalikan ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri sebelum atau selewat-lewatnya pada 21 Februari 2024 (Rabu) jam 5.00 petang.**

**Pengerusi**
**Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)**
No. 2, Tingkat 1, Jalan Pak Sako 2
Bandar Seri Semantan
28000 Temerloh, Pahang

No. Telefon : 09-296 5524 / 5525 / 5527
Email : jpn_pahang2@angkasa.coop